



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 17/2026

**MESYUARAT KHAS URUSAN PILIHAN RAYA UMUM
DEWAN NEGERI (PRU DN) NEGERI SEMBILAN KE-16**

1. Berikutan pembubaran Dewan Negeri Sembilan ke-15 pada 5 Jun 2026, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menetapkan **Mesyuarat Khas** berkenaan urusan **Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri, Negeri Sembilan Ke-16** akan diadakan pada **12 Jun 2026 (Jumaat)** bersekali dengan Mesyuarat Khas Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor Ke-16.
2. Mesyuarat Khas tersebut akan **dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting PRU DN Negeri Sembilan Ke-16 seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut.
3. Satu sidang media turut akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut selesai.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
8 Jun 2026 / 22 Zulhijah 1447H